

# Jalur Gemilang lambang maruah negara, jati diri perlu dipelihara

Nur Azreen  
Gusri Rani,  
Mahasiswa Universiti  
Pendidikan Sultan Idris

**Bendera** menjadi satu daripada identiti negara dan simbol kedaulatan negara. Sejak di bangku sekolah, rakyat didedahkan bentuk dan warna bendera Malaysia atau dikenali Jalur Gemilang.

Setiap Ogos, Jalur Gemilang pasti dikibarkan di banyak tempat, sama ada bangunan kerajaan, premis persendirian atau kediaman. Sikap dan tindakan ini menunjukkan semangat patriotisme tinggi dalam kalangan masyarakat.

Baru-baru ini tular isu pemasangan Jalur Gemilang secara terbalik. Bendera yang dipasang secara terbalik ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor persekitaran dan teknikal seperti tiupan angin dan keadaan cahaya ketika pemasangan bendera. Namun, faktor ini mempunyai kemungkinan yang kecil untuk berlaku.

Kebiasaannya bendera terbalik ini disebabkan oleh kecuaiian, kekurangan pengetahuan mengenai protokol pemasangan bendera dan sikap sambil lewa. Faktor seperti inilah menunjukkan tahap jati diri rakyat Malaysia yang sebenar. Seseorang warganegara Malaysia yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi tidak akan membiarkan bendera negaranya terbalik.

Malaysia sudah merdeka hampir 68 tahun, namun masih ada segelintir rakyat yang tidak tahu kedudukan bendera yang betul. Perkara ini bertambah parah apabila sesetengah masyarakat menunjukkan sikap acuh tak acuh terhadap protokol pemasangan Jalur Gemilang. Protokol pemasangan bendera ini dapat diakses melalui laman sesawang Pejabat Perdana Menteri Malaysia.

Isu bendera terbalik tidak boleh dipandang enteng kerana isu ini dapat menjejaskan imej negara dan kedaulatan negara. Imej negara akan tercalar sekiranya isu ini menjadi liputan pelancong antarabangsa atau media antarabangsa. Kedaulatan negara pula akan terjejas kerana sesetengah masyarakat mungkin akan menganggap isu bendera terbalik ini sebagai satu bentuk protes dan hinaan terhadap negara. Perpaduan akan terhakis dalam kalangan masyarakat.

Sekiranya isu ini tidak diambil tindakan, masyarakat akan menganggap bahawa penguatkuasaan undang-undang di Malaysia amat lemah. Pihak yang pernah terbabit dengan isu pemasangan bendera terbalik juga tidak akan mengambil serius terhadap kesalahan ini dan mungkin akan mengulanginya pada masa akan datang.

Jika isu bendera terbalik ini hanya dikesan pada satu-satu tempat atau satu-satu kawasan, masyarakat mungkin akan menganggap kejadian itu sebagai kecuaiian. Namun, jika isu ini dikesan di beberapa tempat lain, masyarakat tidak lagi menganggap ia sebagai satu bentuk kecuaiian melainkan satu tindakan yang disengajakan.

## **Wajar dikenakan hukuman berat**

Dalam hal ini, pihak berkuasa yang berperanan penting menguatkuasakan undang-undang dan menjelaskan isu ini supaya tidak berlaku kesalahfahaman. Pihak berkuasa juga seharusnya mengenakan hukuman yang berat bagi kesalahan berkenaan. Hukuman yang setimpai perlu dijatuhkan kepada pesalah bagi mengelakkan perkara yang sama daripada berulang. Hukuman ini amat penting bagi memelihara imej negara dan simbol kedaulatan negara.

Menurut Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara, terdapat empat akta yang melindungi lambang kebesaran negara seperti bendera Malaysia. Antaranya Akta 15, iaitu Akta Hasutan

1948, Akta 193, iaitu Akta Lambang Kebangsaan (Kawalan Mempamer) 1949, Akta 414, iaitu Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963, dan Akta A1525, iaitu Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) (Pindaan) 2017.

Melalui akta berkenaan, amat jelas bahawa bendera Malaysia dilindungi dari aspek undang-undang. Dari aspek pendidikan pula, masyarakat sudah didedahkan dengan peraturan dan bentuk Jalur Gemilang sejak sekolah rendah.

Oleh itu, kerajaan perlu memperkasa kempen pengibaran Jalur Gemilang dengan menekankan aspek pendidikan dan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan mengibarkan bendera dengan cara yang tepat. Selain itu, protokol serta kaedah mempamerkan Jalur Gemilang wajar didedahkan melalui laman web rasmi dan saluran komunikasi kerajaan agar dapat dijadikan rujukan yang jelas.

Pihak media turut berperanan menyebarkan pengetahuan mengenai protokol pengibaran Jalur Gemilang melalui saluran seperti media sosial, akhbar dan siaran berita. Usaha ini dapat meningkatkan pemahaman rakyat Malaysia mengenai kaedah yang betul dalam mempamerkan Jalur Gemilang.

Pengedaran bendera secara percuma tanpa pendedahan ilmu pengibaran bendera tidak dapat menyemai semangat patriotisme secara holistik dan menyeluruh. Jika seluruh rakyat Malaysia bersatu mengibarkan Jalur Gemilang dengan cara yang betul, jati diri rakyat Malaysia akan dipandang tinggi oleh masyarakat antarabangsa.

Jalur Gemilang bukan sekadar sehelai bendera, tetapi lambang maruah, identiti dan kedaulatan negara yang wajib dipelihara oleh setiap rakyat Malaysia. Kesungguhan Malaysia dalam menjaga simbol keramat ini dizahirkan melalui akta yang digubal demi memastikan kehormatannya terpelihara. Mengibarkan Jalur Gemilang dengan bangga mencerminkan jati diri, kesetiaan dan kecintaan rakyat terhadap tanah air tercinta.

"Mengibarkan Jalur Gemilang dengan bangga mencerminkan jati diri, kesetiaan dan kecintaan rakyat terhadap tanah air tercinta"

